Eksklusif

Melayu paling ramai hidup merempat

B/H 1/5/2011 MS 10

Warga tua boros ketika muda berakhir di rumah kebajikan

Oleh Diyanah Anuar dan Nadia Hamid
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Warga tua Melayu dikatakan paling ramai hidup merempat disebabkan gagal mengurus kewangan dan perbelanjaan dengan baik selepas bersara, dan terpaksa mendapatkan perlindungan di rumah kebajikan kendalian kerajaan.

Berbanding bangsa lain, orang Melayu dikatakan tidak begitu memberi perhatian terhadap persediaan di peringkat awal untuk menabung atau membuat simpanan bagi kegunaan hari tua. Antara puncanya kerana faktor latar belakang, peningkatan taraf sosioekonomi dan pendapatan rendah ketika bekerja.

Bagi pekerja swasta, wang yang dicarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selalunya habis dikeluarkan apabila mencapai umur persaraan 55 tahun, selepas sebahagian lagi caruman dalam Akaun II dikeluarkan ketika usia 50 tahun.

Kejutan memperoleh 'durian runtuh' menyebabkan ramai lupa diri dan tidak teragak-agak menggunakan semua dana serta duit persaraan untuk berbelanja pada perkara kurang penting, sedangkan ia sepatutnya disimpan bagi tujuan perubatan dan penjagaan kesihatan, tempat tinggal serta keperluan keluarga.

Pengarah Bahagian Warga Tua dan Keluarga, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mohd Fazari Mohd Salleh, berkata keadaan itu juga antara punca menyebabkan kumpulan warga tua berusia 60 hingga 79 tahun mendapatkan perlindungan di rumah kebajikan kendalian JKM, sebahagian besarnya Melayu.

"Jumlah orang Melayu di Rumah Seri Kenangan (RSK) setakat ini 596 orang, diikuti Cina (442), India (283) dan bangsa lain (17). Kebanyakan warga tua ini hidup kesunyian, mengalami tekanan emosi dan serba kekurangan selepas dilupakan keluarga masing-masing, termasuk anak sendiri," katanya.

> *"Daripada rekod, kebanyakan mereka bukan berasal susah, tetapi hidup terbiar pada hari tua disebabkan sikap kurang bertanggungjawab dan boros berbelanja ketika muda"*
>
> **Mohd Fazari Mohd Salleh**
> *Pengarah Bahagian Warga Tua dan Keluarga JKM*

Daripada jumlah keseluruhan 1,918 warga emas berumur 60 tahun ke atas yang mendapat perlindungan di 13 pusat kebajikan warga tua kendalian JKM di seluruh negara, seramai 1,192 adalah lelaki dan selebihnya wanita.

"Lelaki paling ramai dihantar ke rumah kebajikan JKM, sama ada di RSK, Rumah Ehsan mahupun Desa Bina Diri. Daripada rekod, kebanyakan mereka bukan berasal susah, tetapi hidup terbiar pada hari tua disebabkan sikap kurang bertanggungjawab dan boros berbelanja ketika muda.

"Ada juga yang dibenarkan keluar, tetapi masuk semula ke rumah kebajikan kerana tidak mampu menyara diri selepas sering putus duit simpanan. Untuk kembali bekerja, kebanyakan mereka sudah hilang produktiviti selain turut berdepan pelbagai masalah kesihatan menyebabkan golongan ini tidak menjadi pilihan majikan," katanya.

Rekod JKM menunjukkan kebanyakan warga emas di rumah kebajikan kendalian jabatan itu diselamatkan daripada hidup gelanda-

SEORANG penghuni menghabiskan masa dengan berzikir di Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan, Johor Bahru.

GAMBAR HIASAN

ngan di kaki lima jalan, rumah tinggal serta bangunan kosong. Kebanyakan penghuni RSK dan Rumah Ehsan adalah pesara berpendapatan rendah, boros membelanjakan wang pencen serta tidak bersedia menghadapi hari tua.

Jika diambil kira jangkaan pertambahan jumlah warga emas di negara ini menjelang 2030, mereka yang hidup merempat pada hari tua diramalkan meningkat. Pada 2009, ada dua juta warga tua di negara kita, meningkat daripada 1.5 juta pada 2000.

Menjelang 2020, kumpulan usia itu dijangka bertambah lagi kepada 3.4 juta dan pada 2035, Malaysia akan tersenarai dalam kategori negara semakin menua seperti ditakrif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) apabila populasi warga emas menyumbang lebih 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Di Malaysia, kerajaan menyediakan saraan hidup kepada golongan terbabit - Skim Bantuan Orang Tua melalui bantuan kewangan RM300 sebulan dengan syarat pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garisan Kemiskinan Semasa.

FAKTA NOMBOR

Jumlah warga tua di Malaysia pada 2010 berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan

2 juta
Jumlah keseluruhan

1.1 juta
Melayu

784,000
Cina

146,000
India

18,000
Lain-lain bangsa

3.2 juta
Jumlah keseluruhan menjelang 2020